

Dasar Privasi Kerjaya untuk Pemohon Pekerjaan

Kali Terakhir Dikemas Kini: 1 Januari 2023

Peruntukan bagi maklumat peribadi menerusi Laman ini (iaitu <https://jobs.citi.com/>, dan semua laman berkaitan kerjaya Citi dan nama domain), berhubung dengan fungsi-fungsi carian dalam talian dan permohonan pekerjaan dalam Laman ini, adalah tertakluk kepada Dasar Privasi ini ("Dasar"). Dasar ini merujuk kepada Citibank, N.A. dan syarikat induknya, dan anak-anak syarikat dan sekutunya, secara kolektif dikenali sebagai "Citi", "kami" dan "kita".

Laman ini dikendalikan oleh Citibank, N.A., alamat: 388 Greenwich St, New York, NY 10013, United States, untuk menyokong fungsi pengambilan pekerja bagi Citi. Citi mengekalkan sistem komputer di pusat-pusat data di lokasi-lokasi di Amerika Syarikat dan dalam pelbagai negara di seluruh dunia, khususnya Amerika Syarikat, Chile, Costa Rica, China, Singapura, Filipina, Brazil, India, Hong Kong dan Mexico, yang mungkin akan berubah dari semasa ke semasa. Citi boleh mengumpul, menyimpan, memproses, mengagih atau menggunakan Maklumat Peribadi anda dalam cara yang menyebabkan ia dipindahkan atau diakses daripada sistem komputer yang dimiliki atau dikendalikan oleh atau bagi pihak Citi (atau vendor bagi Citi). Sila semak Pertimbangan Bidang Kuasa bagi maklumat mengenai amalan privasi kami dalam rantau anda.

KANDUNGAN

- APAKAH MAKLUMAT YANG DIPERUNTUKKAN OLEH DASAR INI?
- BAGAIMANAKAH MAKLUMAT PERIBADI YANG DIBERIKAN INI AKAN DIGUNAKAN?
- SIAPAKAH YANG AKAN MEMPUNYAI AKSES KEPADA MAKLUMAT PERIBADI?
- HAK-HAK SUBJEK DATA
- PENYIMPANAN DATA
- KUKI
- KESELAMATAN
- LAMAN DAN PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA
- NOTIS PERUBAHAN
- KEUTAMAAN
- PERTIMBANGAN BIDANG KUASA
- HUBUNGI KAMI

I. APAKAH MAKLUMAT YANG DIPERUNTUKKAN OLEH DASAR INI?

Dasar ini melindungi sebarang Maklumat Peribadi yang anda serahkan melalui Laman ini sebagai sebahagian daripada proses permohonan pekerjaan atau carian pekerjaan, termasuk, tanpa had, nama anda, maklumat untuk dihubungi, kata laluan, CV, resume dan maklumat pendidikan. Di samping itu, bergantung pada lokasi pekerjaan yang anda mohon dan/atau negara dari mana anda memohon, anda boleh diminta untuk memberi maklumat sensitif lain sebagai sebahagian daripada permohonan anda, seperti jantina, bangsa, agama, keetnikan, status ketidakupayaan atau orientasi seksual; hanya jika anda diperlukan untuk menjawab soalan-soalan yang ditanda sebagai mandatori untuk permohonan anda diproses, sementara soalan-soalan lain yang tidak ditanda sebagai mandatori boleh dijawab secara sukarela dan pilihan anda untuk tidak menjawab soalan sebegini tidak akan memberi kesan terhadap permohonan anda. Meskipun begitu, sila berikan maklumat menurut undang-undang tempatan.

Jika anda berhasrat untuk memberikan kami sebarang maklumat peribadi tentang rujukan atau mana-mana pihak ketiga sebagai sebahagian daripada CV/resume atau permohonan pekerjaan, anda dengan ini mengesahkan kepada Citi bahawa anda telah mendapat persetujuan pihak ketiga tersebut sebelum memberi maklumat peribadi mereka kepada kami.

Anda bertanggungjawab terhadap kandungan maklumat yang anda beri kepada kami dan anda mesti memastikan ia adalah sah dari segi undang-undang, jujur, benar, tepat dan tidak mengelirukan dalam apa-apa cara sekalipun.

II. BAGAIMANAKAH MAKLUMAT PERIBADI YANG DIBERIKAN INI AKAN DIGUNAKAN?

Maklumat Peribadi yang anda serahkan di Laman ini akan disimpan di Amerika Syarikat (dan dalam bidang kuasa berkenaan sekiranya pekerjaan tersebut berkait dengan salah satu daripada entiti sekutu atau anak syarikat Citi di luar Amerika Syarikat). Ia akan disemak dan diproses bagi tujuan perniagaan yang disenaraikan dalam Dasar ini oleh Perekrut, Pengurus, Profesional Sumber Manusia, kakitangan, perunding dan/atau penyedia perkhidmatan Citi dan/atau dengan cara automasi entiti-entiti Citi di seluruh dunia. Sila ambil perhatian bahawa undang-undang berkenaan Maklumat Peribadi dalam beberapa bidang kuasa yang terlibat mungkin kurang ketat berbanding undang-undang negara di mana anda bermastautin; sila lihat bahagian “Pertimbangan Bidang Kuasa” di bawah untuk maklumat lanjut.

Maklumat Peribadi yang anda serahkan melalui Laman ini akan dikumpul, diguna, disimpan, dipindah, dizahir dan kalau tidak, diproses ("diproses") bagi fungsi perekrutan pekerjaan global Citi dan bagi tujuan pengurusan, maklumat, perancangan dan penyimpanan rekod. Ini akan termasuk menentukan sama ada anda pemohon

yang sesuai (juga dirujuk sebagai calon) untuk sebarang jawatan yang anda memohon, dan menyenarai pendek, memilih dan mengatur sesi temuduga. Sebarang maklumat yang dikumpul daripada anda di Laman ini, atau semasa proses temuduga, juga akan digunakan untuk menentukan sama ada anda akan meneruskan proses permohonan dan sama ada Citi akan menawarkan sebarang pekerjaan kepada anda. Ini termasuk memastikan semua calon dinilai dan diselaraskan dengan piawaian kepimpinan Citi. Dengan melakukan sedemikian, kami akan dapat menjadi yang terbaik bagi semua pelanggan kami. Atas sebab ini maka maklumat yang kami kumpul daripada anda adalah penting bagi proses pengambilan pekerja dan ia merupakan kepentingan sah bukan hanya bagi kami sebagai majikan, tetapi juga demi kepentingan pelanggan, pengawal selia dan pekerja-pekerja kami. Ia juga penting bagi anda untuk memahami bahawa anda adalah orang yang sesuai betul bagi organisasi kami.

Dasar ini relevan hanya sehingga tahap bahawa Citi menggunakan Maklumat Peribadi anda dan:

- Butiran jenis Maklumat Peribadi yang kami kumpul dan gunakan, seperti butiran hubungan peribadi anda, maklumat mengenai permohonan anda, dan sebarang proses yang mana anda terlibat atau pekerjaan yang anda selesaikan yang mengenal pasti anda secara peribadi hasil pekerjaan anda dengan kami; Butiran Hubungan Peribadi mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada: Alamat Rumah, Nombor Telefon Peribadi, Tarikh Lahir, nombor Pengenalan Nasional, Alamat E-mel Peribadi; Sejarah Pekerjaan, Sejarah Pendidikan, dll.;
- Menetapkan sebab untuk kami kumpul, guna dan simpan Maklumat Peribadi mengenai anda, yang termasuk matlamat penting bagi mengekalkan kepercayaan terhadap Citi sebagai majikan bertanggungjawab dan sebagai penyedia perkhidmatan kewangan yang dikawal selia secara global dan bagi membolehkan orang yang paling berbakat direkrut bekerja untuk kami demi kepentingan kami dan pelanggan-pelanggan kami.
- Menyediakan senarai jenis individu yang akan dapat mengakses dan menggunakan Maklumat Peribadi anda, ini termasuk pengurus anda, sumber manusia, rakan sekerja anda, dll.

Di samping itu, Citi akan mengumpul dan menggunakan Maklumat Peribadi yang anda berikan untuk memproses permohonan anda dan, jika diambil bekerja, untuk melengkapkan keperluan suai tugas yang mana berkenaan; untuk menyediakan anda sebarang perkhidmatan yang tersedia di Laman ini dari semasa ke semasa; untuk berkomunikasi dengan anda tentang permohonan kerja anda; untuk mematuhi sebarang undang-undang, peraturan, kawal selia berkenaan (secara kolektif “undang-undang”), dan audit atau berkaitan dengan sebarang tuntutan undang-undang; untuk mengurus perhubungan antara anda dan Citi; untuk memantau dan merekod perkhidmatan sama ada yang disediakan oleh syarikat Citi atau pihak ketiga; untuk memudahkan pengurusan pengesanan dan pengumpulan rekod lama; dan untuk memaklumkan anda tentang kekosongan pekerjaan baharu dan apa-apa yang berkaitan dengan inisiatif perekrutan kami, di mana sesuai

dan sepertimana dibenarkan di bawah undang-undang tempatan yang berkenaan. Jika anda memilih untuk menyertai pangkalan data calon Citi, Maklumat Peribadi tentang anda akan digunakan untuk tujuan-tujuan bagi mempertimbangkan sama ada profil anda sesuai untuk kekosongan kerja lain di Citi.

Sila ambil perhatian bahawa sekiranya anda menolak untuk memberi maklumat tertentu yang diperuntukkan dalam Dasar ini berhubung permohonan pekerjaan anda, kami tidak akan dapat memproses permohonan anda.

Ambil perhatian bahawa kami mungkin mengumpul, mengguna, dan berkongsi maklumat yang tidak mengenal pasti anda (termasuk maklumat yang telah dikumpul atau dihimpun atau tidak dikenal pasti) kecuali seperti yang dilarang oleh undang-undang berkenaan.

III. SIAPAKAH YANG AKAN MEMPUNYAI AKSES KEPADA MAKLUMAT PERIBADI?

Akses kepada Maklumat Peribadi tentang anda akan terhad kepada pekerja, kakitangan sementara, vendor dan kontraktor Citi yang mempunyai keperluan perniagaan untuk mengakses Maklumat Peribadi tersebut dan mungkin termasuk perekrut, kakitangan sumber manusia, kakitangan perkhidmatan teknikal, pengurus, dan/atau wakil mereka masing-masing. Citi tidak akan menjual atau menyewakan Maklumat Peribadi tentang anda kepada pihak ketiga bagi tujuan pemasaran tanpa kebenaran nyata daripada anda. Kami mungkin berkongsi Maklumat Peribadi tentang anda dengan penyedia perkhidmatan atau perunding terpilih yang bertindak bagi pihak kami, seperti pihak ketiga yang membantu Citi bagi pengendalian Laman ini. Pihak-pihak tersebut akan dikehendaki untuk melindungi Maklumat Peribadi selaras dengan terma-terma Dasar ini.

Citi juga boleh menzahirkan Maklumat Peribadi tentang anda untuk: (1) melindungi hak-hak undang-undang, privasi atau keselamatan Citi atau ahli tenaga kerjanya (contohnya kakitangan, ejen dan kontraktor); (2) melindungi keselamatan pelawat ke laman web kami atau tempat-tempat lain; (3) melindungi terhadap penipuan atau aktiviti haram lain atau untuk tujuan pengurusan risiko; (4) membalas pertanyaan atau permintaan di bawah Dasar ini daripada orang awam atau pihak berkuasa lain; (5) membenarkan kami untuk meneruskan perlindungan yang boleh didapati atau mengehendkan kerugian yang kami boleh kekalkan; (6) menguatkuasakan Terma dan Dasar kami; atau (7) mematuhi proses undang-undang atau kawal selia yang berkenaan.

IV. HAK-HAK SUBJEK DATA

Dalam bidang kuasa tertentu, selaras dengan undang-undang yang berkenaan dan dasar-dasar penyimpanan Citi, anda boleh mempunyai hak untuk mengakses atau membetulkan maklumat mengenai anda yang Citi simpan dengan melog masuk ke Laman dan mengedit maklumat profil anda.

Sekiranya anda ingin meminta supaya profil anda dihapuskan, sila ambil perhatian bahawa garis panduan penyimpanan data akan diikuti bagi negara yang mana anda memohon permintaan tersebut.

V. PENYIMPANAN DATA

Kami menyimpan Maklumat Peribadi selama mana yang perlu untuk melaksanakan tujuan ia diambil pada awalnya dan untuk tujuan perniagaan yang sah, termasuk untuk memenuhi kewajipan pematuhan undang-undang, kawal selia, atau pematuhan lain. Maklumat Peribadi calon-calon yang memohon pekerjaan akan disimpan dan dikekalkan menurut keperluan tempatan dan bagi negara yang mana anda memohon untuk bekerja. Sekiranya tiada aktiviti berkenaan Maklumat Peribadi tersebut, Citi boleh mengeluarkannya daripada pangkalan datanya, tertakluk kepada kewajipan dan dasar-dasar penyimpanan data Citi dan sebarang kewajipan undang-undang dan kawal selia lain yang berkaitan. Seterusnya, sila ambil perhatian bahawa Citi boleh memadamkan profil anda di Laman ini atau sebahagian atau semua Maklumat Peribadi yang Citi ada tentang anda pada bila-bila masa (termasuk CV/resume anda), untuk sebarang sebab dan tanpa notis. Oleh itu, sila simpan salinan Maklumat Peribadi anda sendiri yang diberikan kepada kami. Selain dari penghapusan, di mana kami tiada lagi tujuan yang sah untuk memproses Maklumat Peribadi anda, kami akan sama ada memadam atau menghapus pengenaltastian, jika ini tidak boleh dilakukan (sebagai contoh, disebabkan Maklumat Peribadi anda telah disimpan dalam arkib sandaran), maka kami akan menyimpan dengan selamat Maklumat Peribadi anda dan mengasingkannya daripada sebarang pemrosesan sehinggalah penghapusan boleh dibuat.

Sekiranya anda memohon pekerjaan di mana-mana negara Eropah, kami akan menyimpan Maklumat Peribadi anda selama minimum 3 tahun bergantung pada negara di mana pekerjaan yang anda mohon akan ditempatkan, dan kewajipan pengekaln yang berkaitan.

Semua kewajipan penyimpanan data akan dipatuhi bagi negara yang mana anda memohon.

VI. KUKI

Kuki adalah rantaian teks sahaja yang ditetapkan pada pelayar anda. Kuki digunakan sebagai cara yang pantas dan mudah bagi mengekalkan kandungan Laman sentiasa segar dan relevan kepada kecenderungan atau minat anda dan sebagai cara menambah baik utiliti Laman dengan keupayaan menyimpan dengan selamat sebarang Maklumat Peribadi yang anda kongsi di Laman ini.

Laman ini menggunakan kuki. Sebagai contohnya, Laman ini menggunakan kuki berasaskan sesi, yang mana adalah kuki yang dimuat turun ke computer anda hanya untuk tempoh kunjungan anda ke Laman ini. Ia membantu anda melayari Laman dengan lebih pantas, dan mengukur aktiviti trafik di Laman ini. Kuki jenis

ini secara automatik tamat apabila anda menutup pelayar anda.

Jangan Jejak: Kebanyakan pelayar membenarkan anda menukar pilihan kuki anda untuk menerima semua, beberapa, atau tiada kuki atau untuk memberi amaran sebelum menerima kuki; bagaimanapun, menetapkan pelayar web anda untuk tidak menerima sebarang kuki mungkin menghalang prestasi Laman ini. Buat masa ini, Laman kami bertindak balas kepada isyarat jangan jejak pelayar.

VII. KESELAMATAN

Citi telah mengambil langkah-langkah munasabah: (a) untuk menyediakan persekitaran selamat bagi maklumat yang dihantar ke atau yang boleh diakses melalui Laman ini, (b) untuk menjadikan Laman ini tersedia bagi kegunaan anda dan (c) untuk memastikan bahawa tiada virus atau kod yang boleh mengganggu penggunaan Laman ini atau merosakkan perkakasan atau perisian anda yang disebabkan oleh penggunaan Laman ini. Anda faham bahawa sistem komunikasi elektronik mungkin tidak memberi persekitaran selamat bagi komunikasi anda dengan kami. Ia adalah tanggungjawab tunggal anda untuk memastikan tahap berjaga-jaga yang sesuai bilamana berkomunikasi dengan kami.

VIII. LAMAN DAN PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA

Laman ini mungkin mengandungi pautan ke laman sesawang lain yang tidak tertakluk kepada Dasar yang sama seperti Laman ini. Sebagai contoh, mengklik pada elemen di Laman ini mungkin membawa anda ke laman yang memang berbeza. Laman-laman tersebut mungkin menghantar kukinya sendiri kepada anda dan mungkin mengumpul maklumat dan menggunakan maklumat itu dalam cara yang tidak dilakukan oleh Laman ini. Bila sahaja anda meninggalkan Laman ini, Dasar ini tidak lagi terpakai untuk Maklumat Peribadi atau sebarang Maklumat Lain yang dikumpul daripada atau diberikan oleh anda. Anda harus memeriksa dasar privasi berkenaan untuk menentukan bagaimana laman-laman lain mengendalikan data anda.

IX. NOTIS PERUBAHAN

Kami boleh mengubah Dasar ini dari semasa ke semasa bagi membayangkan pengumpulan maklumat, penggunaan dan amalan penzahiran kami, perubahan dalam amalan industri atau perubahan dalam undang-undang berkenaan. Sebarang perubahan akan berkuat kuasa apabila kami mengepos Dasar di Laman ini. Jika anda tidak bersetuju dengan perubahan-perubahan ini, sila hubungi kami untuk mengeluarkan maklumat yang anda berikan daripada pangkalan data kami. Anda boleh ketahui bila kali terakhir kami mengemas kini Dasar dengan memeriksa lejen Kemas Kini Terakhir pada bahagian permulaan Dasar ini.

X. KEUTAMAAN

Peruntukan Dasar ini bagi penggunaan dan akses kepada Maklumat Peribadi anda mempunyai keutamaan ke atas sebarang peruntukan yang bercanggah dalam Terma Penggunaan.

XI. PERTIMBANGAN BIDANG KUASA

Jika anda memohon pekerjaan dalam mana-mana bidang kuasa yang dinyatakan di bawah, sila klik pada pautan yang disediakan untuk peruntukan privasi tempatan/serantau yang berkenaan bagi maklumat peribadi anda di lokasi tersebut:

AMERIKA UTARA

[Residen California – California Notice at Collection](#)

[Residen California – California Supplemental Provision](#)

[Kanada](#)

EMEA

[Eropah dan United Kingdom](#)

[Kenya](#)

[Poland – Bank Handlowy](#)

[Afrika Selatan](#)

APAC

[Australia](#)

[China](#)

[Indonesia](#)

[Malaysia](#)

[New Zealand](#)

[Filipina](#)

[Singapura](#)

[Thailand](#)

LATAM

[Argentina](#)

[Brazil](#)

[Colombia](#)

[Ecuador](#)

[Mexico](#) – dengan mengklik “Saya Terima” di bahagian bawah Notis Privasi ini menurut Undang-Undang Persekutuan bagi Data Peribadi yang dipegang oleh Individu Peribadi.

XII. HUBUNGI KAMI

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan mengenai Dasar ini atau cara Citi mengumpul, mengguna dan kalau tidak memproses Maklumat Peribadi anda seperti yang diterangkan dalam Dasar ini, sila hubungi kami melalui maklumat hubungan dalam suplemen serantau yang dipautkan di atas yang berkenaan dengan anda.

/Ends-

PERSONAL DATA WRITTEN NOTICE AND CONSENT FORM
NOTIS BERTULIS DAN BORANG KEBENARAN DATA PERIBADI

As an employee or prospective employee of Citi, it may be necessary for you to provide to Citi Malaysia data about yourself, your family members and other persons (for example emergency contact numbers and beneficiaries nominated by you) ("your personal data") and for Citi Malaysia to collect your personal data that is subject to data protection laws in Malaysia.

Sebagai pekerja atau bakal pekerja untuk Citi, anda mungkin perlu memberikan data tentang diri anda, keluarga anda dan orang lain (misalnya nombor hubungan kecemasan dan benefisiari yang dicalonkan oleh anda) ("data peribadi anda") kepada Citi Malaysia dan Citi Malaysia mungkin perlu mengumpul data peribadi anda yang tertakluk kepada undang-undang perlindungan data di Malaysia.

Apart from personal data provided by you, Citi Malaysia may obtain your personal data from various reference checks, background checks, other Citi entities, various governmental/statutory authorities and other parties.

Di samping data peribadi yang disediakan oleh anda, Citi Malaysia boleh mendapatkan data peribadi anda daripada pelbagai semakan sejarah pekerjaan ('reference checks'), semakan latar belakang, entiti Citi lain, pelbagai pihak berkuasa kerajaan/berkanun dan pihak-pihak lain.

Your personal data may include copies and other details of identity documents, proof of address and other contact details, information concerning age, gender, marital status, nationality, nationality origin, credit and financial information, dietary preference, racial or ethnic origin, past misconduct, creditworthiness and sensitive personal data as defined in the Personal Data Protection Act, 2010 of Malaysia ("PDPA"). "sensitive personal data" as defined in the PDPA includes any personal data as to the physical or mental health or medical condition of an individual, his political opinions, his religious beliefs or other beliefs of a similar nature and the commission or alleged commission by him of any offence. In this Form, the term "personal data" includes "sensitive personal data".

Data peribadi anda mungkin termasuk salinan dan butir-butir lain bagi dokumen pengenalan, bukti alamat dan butir-butir hubungan lain, maklumat tentang usia, jantina, status perkahwinan, kewarganegaraan, asal kewarganegaraan, maklumat kredit dan kewangan, pilihan pemakanan, asal kaum atau etnik, salah laku di masa lalu, kepercayaan kredit dan data peribadi sensitif seperti yang ditakrifkan di dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Malaysia ("APDP"). "data peribadi sensitif" seperti yang ditakrifkan di dalam APDP termasuk apa-apa data peribadi yang berkaitan dengan kesihatan fizikal atau mental atau keadaan perubatan seorang individu, pendapat politiknya, kepercayaan agamanya atau kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya dan pelakuan atau pengatahan pelakuan apa-apa kesalahan olehnya. Dalam Borang ini, istilah "data peribadi" termasuk "data peribadi sensitif".

Where the personal data provided by you is personal data of persons other than yourself, you confirm that such persons have consented to the collection and processing of their personal data in the manner and for the purposes set out in this Form.

Di mana data peribadi yang disediakan oleh anda adalah data peribadi orang lain, anda mengesahkan bahawa orang tersebut telah memberi keizinan untuk pengumpulan dan pemprosesan data peribadi mereka dalam cara dan untuk tujuan yang dibentangkan di dalam Borang ini.

The nature of the personal data that Citi Malaysia collects and process, and where it comes from, will vary according to, among others, your role and position in Citi, and may include:

Sifat data peribadi yang dikumpul dan diproses oleh Citi Malaysia, dan dari mana datangnya data peribadi tersebut, adalah berbeza-beza bergantung kepada, antara lainnya, peranan dan jawatan anda dalam Citi, dan mungkin termasuk:

- a. Data that Citi collects from application or other forms and other documents that you provide to Citi in connection with your employment with Citi;
Data yang dikumpul oleh Citi daripada borang permohonan atau borang lain dan dokumen lain yang diberikan oleh anda kepada Citi berhubung dengan pekerjaan anda dengan Citi;
- b. Data relating to employment, performance management (including performance appraisals and feedback), compensation, leave, travel, expenses, health, benefits, tax, insurance, retirement plans, provident funds, education, training, certification, membership in associations and trade unions, bank account information, facilities and services obtained from financial institutions like bank account information, cards and credit facilities;
Data berkaitan dengan pekerjaan, pengurusan prestasi (termasuk penilaian dan maklum balas prestasi), pampasan, cuti, perjalanan, perbelanjaan, kesihatan, manfaat, cukai, insurans, pelan persaraan, kumpulan simpanan wang, pendidikan, latihan, pensijilan, keahlian dalam persatuan dan kesatuan sekerja, maklumat akaun bank, kemudahan dan perkhidmatan yang diperolehi daripada institusi kewangan seperti maklumat akaun bank, kad dan kemudahan kredit;
- c. References, background checks, employment history and letters of recommendation;
Surat perakuan ('references'), semakan latar belakang, sejarah pekerjaan dan surat sokongan ('recommendation letter');

- d. Emergency contact information and beneficiaries nominated by you; and
Maklumat hubungan kecemasan dan benefisiari yang dicalonkan oleh anda; dan
- e. Photographs and other visual images.
Gambar dan imej visual lain.

Citi Malaysia is permitted under the PDPA to process personal data where that data is necessary for the performance of your contract, for compliance with its legal and compliance obligations and to protect your vital interests. The processing carried out by Citi Malaysia may also include, but will not be limited to:

Citi Malaysia dibenarkan di bawah APDP untuk memproses data peribadi jika data tersebut diperlukan untuk melaksanakan kontrak anda, demi mematuhi obligasi undang-undang dan kepatuhan dan untuk melindungi kepentingan utama anda. Pemprosesan yang dilaksanakan oleh Citi Malaysia mungkin juga termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- a. The storage of personal data in any medium, including paper form and electronically, inside and outside Malaysia.
Penyimpanan data peribadi dalam sebarang perantara, termasuk bentuk kertas dan secara elektronik, di dalam dan di luar Malaysia.
- b. Verification of personal data provided to Citi in order to assess your ongoing suitability for employment and procuring investigative, criminal record and credit history reports.
Penentuan data peribadi yang diberikan kepada Citi demi menilai kesesuaian berterusan anda untuk bekerja dan mendapatkan laporan penyiasatan, rekod jenayah dan sejarah kredit.
- c. The processing of your personal data by Citi and other parties for the purpose of:-
Pemprosesan data peribadi anda oleh Citi dan pihak-pihak lain bagi tujuan:-
- Pre-employment verification of information, assessing the suitability of employment, recruitment, transfer, promotion, relocation, secondment, termination or re-employment;
Penentuan maklumat pra-pekerjaan, menilai kesesuaian penggajian, perekrutan, pemindahan, kenaikan pangkat, penempatan semula, peminjaman, penamatan atau penggajian semula;
 - Performance management, including performance appraisals and feedback;
Pengurusan prestasi, termasuk penilaian dan maklum balas prestasi;
 - Provision and administration of compensation, leave, travel, expenses, flexible work arrangements, health related benefits and services, staff activities and programs, taxation, insurance, awards, retirement plans, provident funds and other benefits and matters related to your employment with Citi;
Penyediaan dan pentadbiran pampasan, cuti, perjalanan, perbelanjaan, perkiraan kerja fleksibel, manfaat dan perkhidmatan berkaitan kesihatan, aktiviti dan program kakitangan, pencukaian, insurans, award, pelan persaraan, kumpulan wang simpanan dan manfaat dan perkara lain berkaitan dengan pekerjaan anda dengan Citi;
 - Planning and budgeting;
Perancangan dan belanjawan;
 - Development, training, education, certification, licensing, registration with or membership in associations, self regulatory bodies, and trade unions;
Kemajuan, latihan, pendidikan, pensijilan, pelesenan, pendaftaran dengan atau keahlian dalam persatuan, perbadanan kawal selia sendiri, dan kesatuan sekerja;
 - Health and safety;
Kesihatan dan keselamatan;
 - Risk management, compliance, auditing, security, internal reviews;
Pengurusan risiko, kepatuhan, pengauditan, keselamatan, semakan dalaman;
 - Debt collection;
Pungutan hutang;
 - Providing products and services to you;
Menyediakan produk dan perkhidmatan kepada anda;
 - Promoting Citi and selected third parties products and services;
Mempromosi Citi dan produk dan perkhidmatan pihak ketiga terpilih;

- Meeting legal and regulatory requirements;
Memenuhi keperluan undang-undang dan kawal selia;
 - Enforcing Citi's rights and your obligations to Citi;
Menguatkuasakan hak Citi dan obligasi anda kepada Citi;
 - Data processing;
Pemprosesan data;
 - Processing applications for products and services;
Memproses permohonan bagi produk dan perkhidmatan;
 - Providing references which include: letters to third parties providing employee's details (excluding salary information) of employment with Citi;
Menyediakan surat perakuan yang termasuk: surat kepada pihak ketiga memberikan butir-butir pekerjaan pekerja (tidak termasuk maklumat gaji) dengan Citi;
 - Obtaining and maintaining health records and information which include: requiring you to complete a medical questionnaire or undertake a medical examination;
Mendapatkan dan menyelenggara rekod dan maklumat kesihatan yang termasuk: menghendaki anda melengkapkan borang soal selidik perubatan atau menjalani pemeriksaan perubatan;
 - Conducting disciplinary proceedings, including audit investigations and inquiries;
Melaksanakan prosiding tatatertib, termasuk penyiasatan audit dan siasatan;
 - Monitoring your communications (including monitoring telephone, email and internet traffic data that is sender, receiver, subject; date and time of text messages; attachments to email; numbers called and duration of calls; domain names of web sites visited, duration of visits; and files downloaded from the internet) for reasons which include: providing evidence of business transactions; ensuring that Citi's business procedures, policies and contracts with employees are adhered to; complying with any legal obligations; monitoring standards of service, staff performance, and for staff training;
Memantau komunikasi anda (termasuk memantau telefon, e-mel dan data trafik internet iaitu pengirim, penerima, subjek; tarikh dan masa pesanan teks; lampiran pada e-mel; nombor yang dipanggil dan tempoh panggilan; nama domain laman web yang dilawati, tempoh lawatan; dan fail yang dimuat turun daripada internet) atas sebab-sebab yang termasuk: menyediakan bukti tentang transaksi perniagaan; memastikan bahawa prosedur perniagaan, dasar dan kontrak Citi dengan pekerja dipatuhi; mematuhi sebarang obligasi undang-undang; memantau standard perkhidmatan, prestasi kakitangan, dan untuk latihan kakitangan;
 - Disclosure to employment, tax and immigration authorities;
Pendedahan kepada pihak berkuasa pekerjaan, cukai dan/atau imigresen;
 - Disclosure to any potential buyers of Citi or part of the business of Citi pursuant to any due diligence exercise or any exercise of a similar nature;
Pendedahan kepada mana-mana bakal pembeli Citi atau sebahagian daripada perniagaan Citi selaras dengan sebarang langkah usaha wajar atau sebarang langkah yang serupa sifatnya;
 - Your participation in any Citi alumni network as well as enabling other social, business and networking communications; and
Penyertaan anda dalam mana-mana rangkaian alumni Citi dan juga membolehkan komunikasi sosial, perniagaan dan rangkaian lain; dan
 - All other matters relating to your employment with Citi as Citi considers to be necessary or appropriate.
Semua perkara lain berkaitan dengan pekerjaan anda dengan Citi sebagaimana dianggap perlu atau sesuai oleh Citi.
- d. The disclosure or transfer of your personal data to and between Citi entities, third parties and benefit providers, inside and outside Malaysia, for the purposes set out in this Form.
Pendedahan atau pemindahan data peribadi anda kepada dan antara entiti Citi, pihak ketiga dan penyedia manfaat, di dalam dan di luar Malaysia, bagi tujuan yang dibentangkan dalam Borang ini.
- e. The disclosure or transfer of your personal data to employees of Citi, any other persons and entities as may be reasonably necessary (including any beneficiaries named in any document submitted to Citi) and as otherwise required or permitted by law.

Pendedahan atau pemindahan data peribadi anda kepada pekerja Citi, mana-mana orang dan entiti lain yang mungkin semunasabahnya perlu (termasuk mana-mana benefisiari yang dinamakan dalam sebarang dokumen yang diserahkan kepada Citi) dan sebagaimana sebaliknya dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang.

f. The processing of your personal data for the purpose of monitoring and furthering Citigroup's equal opportunity and diversity policy.

Pemrosesan data peribadi anda bagi tujuan memantau dan mempertingkatkan dasar peluang sama rata dan kepelbagaian Citigroup.

g. Parties, in and outside Malaysia, to whom your personal data may be provided include:-

Pihak-pihak, di dalam dan di luar Malaysia, yang mungkin diberikan data peribadi anda termasuk:-

- Citi;
Citi;
- any agents, contractors, service providers, communications systems, clearing systems, payment systems and intermediary banks Citi may use in connection with its business;
mana-mana agen, kontraktor, penyedia perkhidmatan, sistem komunikasi, sistem penjelasan, sistem pembayaran dan bank pengantara yang mungkin digunakan oleh Citi berhubung dengan perniagaannya;
- debt collection agencies;
agensi pungutan hutang;
- credit bureaus;
biro kredit;
- any financial institution and charge or credit card issuing companies with which you have or propose to have dealings;
mana-mana institusi kewangan dan syarikat pengeluar kad caj atau kad kredit yang berurusan atau bakal berurusan dengan anda;
- any actual or prospective purchaser of all or any part of the business of Citi through sale, merger, acquisition or otherwise;
mana-mana pembeli sebenar atau bakal pembeli semua atau mana-mana bahagian perniagaan Citi melalui penjualan, percantuman, pemerolehan atau sebaliknya;
- to Citi and selected parties for the purpose of informing you of products and services which Citi believes will be of interest to you;
kepada Citi dan pihak-pihak terpilih bagi tujuan memaklumkan anda tentang produk dan perkhidmatan yang Citi percaya akan menarik minat anda;
- any party giving or proposing to give any guarantee, indemnity or security to secure your obligations to Citi;
mana-mana pihak yang memberikan atau bercadang memberikan sebarang jaminan, tanggung rugi atau cagaran untuk menjamin obligasi anda kepada Citi;
- any party seeking reference checks;
mana-mana pihak yang meminta semakan perakuan;
- to any party referred to in this Form and any party as may be notified to you by Citi from time to time; and
kepada mana-mana pihak yang dirujuk dalam Borang ini dan mana-mana pihak seperti yang mungkin dimaklumkan kepada anda oleh Citi dari masa ke semasa; dan
- to such parties as required by or in furtherance of any obligations (contractual or otherwise) under or in connection to any law, court, regulator, legal process, stock exchange, clearing house, associations or self-regulatory bodies.
kepada pihak yang mana pendedahan perlu dibuat kepadanya, sepertimana dikehendaki oleh atau untuk melanjutkan mana-mana obligasi (kontraktual atau sebaliknya) di bawah atau berkaitan dengan mana-mana undang-undang, mahkamah, pengawal selia, proses undang-undang, bursa saham, rumah penjelasan, persatuan atau perbadanan kawal selia sendiri.

Where Citi considers it necessary or appropriate for the purposes of data storage or processing or human resources management, your personal data may be stored or transferred to locations and systems outside Malaysia under conditions of confidentiality and similar levels of security safeguards and information security.

Sekiranya Citi menganggapnya perlu atau sesuai bagi tujuan penyimpanan atau pemprosesan data atau pengurusan sumber manusia, data peribadi anda mungkin disimpan atau dipindahkan ke lokasi dan sistem di luar Malaysia dalam keadaan rahsia dan pada tahap pelindung keselamatan dan keselamatan maklumat yang serupa.

Citi Malaysia takes your personal data seriously and as such shall endeavour to implement the appropriate administrative and security safeguards and procedures in accordance with applicable laws and regulations to prevent the unauthorized or unlawful processing of your personal data and the accidental loss or destruction of, or damage to, your personal data.

Citi Malaysia memandang serius data peribadi anda dan oleh itu akan berusaha untuk melaksanakan pelindung dan prosedur pentadbiran dan keselamatan yang sesuai selaras dengan undang-undang dan peraturan yang terpakai untuk menghalang pemprosesan data peribadi anda dalam cara yang tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang dan kehilangan atau kemusnahan atau kerosakan yang tidak disengajakan terhadap data peribadi anda.

Your failure to supply such personal data may affect your employment prospects or affect the ability of Citi to perform its obligations under any potential or existing employment contract or your ability to enjoy the benefits of your employment with Citi.

Kegagalan anda untuk membekalkan data peribadi tersebut mungkin menjejaskan prospek pekerjaan anda atau menjejaskan keupayaan Citi untuk melaksanakan obligasinya di bawah sebarang kontrak pekerjaan yang dijangka atau kontrak pekerjaan sedia ada atau keupayaan anda untuk menikmati manfaat pekerjaan anda dengan Citi.

If you wish to check that your personal data that Citi Malaysia holds is accurate, you may request for that information. You should make the request to Citi Malaysia's Human Resources Department who will arrange to provide the requested information to you, normally within 21 days of the request. The information that will be made available to you will exclude information, which Citi is entitled by law to withhold (for example, information identifying other individuals and references that were sent in confidence). You can also view and update some of your personal data held electronically via Employee Self Service.

Jika anda ingin menyemak sama ada data peribadi anda yang disimpan oleh Citi Malaysia adalah tepat, anda boleh meminta maklumat tersebut. Anda harus membuat permintaan ini kepada Jabatan Sumber Manusia Citi Malaysia yang akan mengatur untuk menyediakan maklumat yang diminta kepada anda, biasanya dalam masa 21 hari dari tarikh permintaan. Maklumat yang akan disediakan kepada anda tidak termasuk maklumat yang berhak ditahan di sisi undang-undang oleh Citi (misalnya, maklumat yang mengenal pasti individu lain dan surat perakuan yang dihantar secara rahsia). Anda juga boleh membaca dan mengemaskinikan sesetengah data peribadi anda yang disimpan secara elektronik melalui Employee Self Service.

If you find incorrect factual data in Citi Malaysia's records, then you should make the changes directly using Employee Self Service, or if this is not possible, inform Citi Malaysia's Human Resources Department. The information will be verified and the records corrected, if appropriate. If you do not agree with the information held on your records, you should raise your concerns with Citi Malaysia's Human Resources Department.

Jika anda menemui data berdasarkan fakta yang tidak tepat dalam rekod Citi Malaysia, anda harus mengubahnya secara terus menggunakan Employee Self Service, atau jika langkah ini tidak dapat dilakukan, maklumkan Jabatan Sumber Manusia Citi Malaysia. Maklumat tersebut akan ditentusahkan dan rekod akan dibetulkan, jika sesuai. Jika anda tidak bersetuju dengan maklumat yang disimpan dalam rekod anda, anda harus membangkitkan kebimbangan anda dengan Jabatan Sumber Manusia Citi Malaysia.

The contact details of Citi Malaysia's Human Resources Department are as follows:-

Maklumat perhubungan Jabatan Sumber Manusia Citi Malaysia adalah seperti berikut:-

<u>CITIGROUP TRANSACTION SERVICES (M) SDN BHD ("CTSM")</u>	<u>CITIGROUP TRANSACTION SERVICES (M) SDN BHD ("CTSM")</u>	<u>CITI MALAYSIA ENTITIES OTHER THAN CTSM / ENTITI CITI MALAYSIA SELAIN DARIPADA CTSM</u>
Human Resources Department Level 5, Menara Northam 55 Jalan Sultan Ahmad Shah 10050 Penang Malaysia Telephone No. / No. Telefon: +604-200 6140 Email: hrssapac@citi.com	Human Resources Department Level 44, Menara Citibank 165 Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur Malaysia Telephone No. / No. Telefon: +607-23833334 Email: hrssapac@citi.com	HR Shared Services Malaysia Level 44, Menara Citibank 165 Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur Malaysia Telephone No. / No. Telefon: +603-23833334 Email: hrssapac@citi.com

In this Form,
Dalam Borang ini,

- (a) "Citi" means the Citi entity that is your employer (past, present and future) ("the Employer") and any Citi Affiliate, where a Citi Affiliate means any entity controlled, directly or indirectly, by the Employer, any entity that controls, directly or indirectly, the Employer or any entity directly or indirectly under common control with the Employer; *"Citi" bermaksud entiti Citi yang merupakan majikan anda (di masa lalu, kini dan di masa hadapan) ("Majikan") dan mana-mana Entiti Gabungan Citi, yang mana Entiti Gabungan Citi bermaksud mana-mana entiti yang dikawal oleh Majikan, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana entiti yang mengawal Majikan, secara langsung atau tidak langsung, atau mana-mana entiti yang secara langsung atau tidak langsung berada di bawah kawalan bersama dengan Majikan;*
- (b) "Citi Malaysia" means Citi entities that are incorporated under the laws of Malaysia or registered in Malaysia (past, present and future). *"Citi Malaysia" bermaksud entiti Citi yang diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia atau didaftarkan di Malaysia (di masa lalu, kini dan di masa hadapan).*

Citi Malaysia reserves the right to make any deletions from, additions or amendments to or replacements of any or all of the provisions of this Form by giving thirty (30) days notice to you.
Citi Malaysia merizab hak untuk memotong, menambah atau meminda atau menggantikan mana-mana atau semua peruntukan Borang ini dengan memberikan notis tiga puluh (30) hari kepada anda.
